# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 27 OGOS 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br><br>5.<br><br>6. | JANGAN TUKAR STATUS TANAH, DALAM NEGERI, UM -41<br>KERAJAAN NEGERI DIMINTA JANGAN TUKAR STATUS TANAH PERTANIAN, NASIONAL, BH -7<br>JANGAN SEWENANG-WENANG TUKAR STATUS TANAH, NEWS, HM (UTARA) -26<br>SIM TZE TZIN URGES PEOPLE TO CONTINUE SPENDING TO BOSST ECONOMY, NEWS, SIN CHEW DAILY 9NORTHERN) -3<br>SIM URGES GOVT NOT TO ANYHOW CONVERT AGRICULTURE LAND FOR OTHER PURPOSE, NATION, SIN CHEW DAILY -3<br>'DO NOT ARBITRARILY APPROVE THE CONVERSATION OF USE OF AGRICULTURAL LAND', NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 7.<br>8.<br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13. | BOT, 14 NELAYAN VIETNAM DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -41<br>KAPAL DIA TAPI PLAT KITA, SETEMPAT, HM -14<br>PERAK PENYUMBANG TERBESAR INDUSTRI PERIKANAN MARIN NEGARA, NEWS, HM (UTARA) -26<br>SIM TZE TZIN: MALAYSIAN FISHERIES GROSS OUTPUT WORTH RM14BIL, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12b<br>DISCUSSING HOW TO DESTROY FOREIGN FISHING BOAT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22<br>AGRICULTURAL MINISTRY DISCUSSING WHETHER TO DESTROY FOREIGN FISHING BOATS THAT ENCROACH INTO, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A6<br>MINISTRY IN DISCUSSION WHETHER TO DESTROY FISHBOAT OR NOT, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12b | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 14.<br><br>15. | SALAHUDDIN SERU PETANI BERUBAH SATUKAN TANAH, KUASAI AGRO MAKANAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -9<br>BANGUNAN LKIM PERAK DIRASMIKAN, NASIONAL, SH -14 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 16. | SLOGAN INTEGRITI, KERAMAT MAQIS DILANCAR, FOKUS, MINGGUAN AMANAH -8 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 17. | BANGUN TANAH WAKAF TANAM POKOK BUAH, TENGAH, HM -26 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 18. | 'KENAL PASTI PUNCA SAWAH DIJUAL', NASIONAL, BH -7 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 19. | ELAK KESELAMATN MAKAN TERJEJAS, MUKA SEPULUH, BH -10 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 41 |

# Jangan tukar status tanah

Oleh NURUL AKMAR
AIDA SUHAIMI
pengarang@utusan.com.my

■ LUMUT 26 OGOS

KERAJAAN negeri dinasihatkan supaya tidak sewenang-wenangnya menukar status pertanian kepada pembangunan perumahan dan perindustrian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, tanah pertanian harus dikekalkan supaya pengeluaran makanan dapat diteruskan untuk keperluan rakyat.

Menurutnya, kerajaan mendapati banyak tanah pertanian ditukar syarat kepada perumahan dan perindustrian.

"Ini yang menjadi masalah utama sehinggakan pengeluaran padi, sayur, buah-buahan dan barangan pertanian negara menurun.

"Ini menyebabkan kos barangan akan naik dan rakyat terpaksa membeli sayur-sayuran yang lebih mahal atau diimport dari luar negara dan menyebabkan kita rugi.

"Jadi saya menyeru supaya jangan sesekali sewenang-wenangnya menukar syarat tanah pertanian kepada tanah perindustrian atau perumahan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian bangunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Seri Manjung di sini hari ini.

Majlis dirasmikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Mengulas mengenai penyusutan kawasan sawah padi di beberapa tempat, Tze Tzin berkata, kerajaan mewartakan kawasan padi sebagai jelapang padi yang tidak boleh tukar kepada pembangunan industri.

Menurutnya, status tanah jelapang padi merupakan satu jaminan tanah tersebut tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada penggunaan tanah yang lain.

"Ini bagi memastikan kawasan jelapang padi kekal menjadi tempat pengeluaran padi untuk Malaysia," katanya.

Menurutnya, antara jelapang padi ketika ini ialah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan.




SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH melihat replika bangunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Seri Manjung selepas merasmikannya di Lumut, Perak, semalam. Turut hadir Sim Tze Tzin (empat dari kanan). - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

*Keluasan sawah menguncup*

# Kerajaan negeri diminta jangan tukar status tanah pertanian




***Sultan Nazrin Shah merasmikan bangunan LKIM** Perak di Seri Manjung. Yang turut hadir, Tze Tzin (dua dari kiri); Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.* (Foto Muhaizan Yahya/BH)

**Seri Manjung:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyeru kerajaan negeri supaya lebih peka dan tidak sewenang-wenangnya menukar status tanah pertanian kepada perumahan atau perindustrian.

Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin, berkata status tanah pertanian perlu dikekalkan supaya pengeluaran produk pertanian terus meningkat untuk keperluan rakyat.

Katanya, kerajaan negeri perlu menjadikan pertukaran status tanah itu sebagai sukar dan tidak secara bebas menukar guna tanah kepada perumahan atau perindustrian.

"Tanah pertanian harus dikekalkan, *make it difficult to convert*' (jadikan ia sukar untuk ditukar). (Saya dapati) banyak yang senang-senang tukar syarat, jadi saya menyeru supaya jangan sesekali dengan secara senang menukar syarat tanah pertanian kepada tanah perindustrian atau perumahan.

"Tukar guna tanah pertanian kepada perumahan dan perindustrian, yang ini (menjadi) masalah utama kerana pengeluaran padi, sayur, buah-buahan dan barangan pertanian akan menurun sekali gus memberi kesan kepada rakyat serta negara," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian bangunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak di Seri Manjung di sini, semalam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan bangunan berkenaan.

Tze Tzin berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan *BH* mengenai penyusutan kawasan sawah padi di beberapa lokasi di negara ini.

Beliau berkata, kerajaan sudah mewartakan beberapa kawasan padi kepada Jelapang Padi negara yang statusnya tidak boleh ditukar kepada mana-mana industri.

"Untuk status Jelapang Padi, itu adalah satu jaminan supaya tidak boleh dipindah milik atau ditukar untuk kegunaan lain yang dapat memastikan ia kekal menjadi tempat pengeluaran padi untuk negara," katanya.

Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari, pula berkata kerajaan negeri berusaha untuk membangunkan semula beberapa sawah terbiar menerusi kaedah terbaru yang bakal dilaksanakan di negeri itu.

Beliau berkata, kaedah terbabit adalah membina pintu air untuk mengawal pengaliran air ke kawasan bendang, sekali gus mampu meningkatkan hasil tanaman padi.

Katanya, langkah yang sudah pun dilaksanakan di kawasan sawah Kampung Serkam Anak Air, Jasin, di sini dilihat mampu menghidupkan semula kawasan bendang yang terbiar sejak beberapa tahun lalu.

"Di Serkam Anak Air itu, petani mengalami masalah saliran air menyebabkan usaha mereka untuk menanam padi terbantut.

"Justeru, sejak Ogos tahun lalu kerajaan negeri menerusi Pejabat Daerah Jasin memperuntukkan sejumlah RM50,000 bagi membina empat pintu air terbabit dan hasilnya pesawah mampu mengeluarkan hasil yang baik tanpa menghadapi masalah," katanya.

Melaka mempunyai dua kawasan sawah yang aktif ketika ini iaitu di Kampung Parit Penghulu di Sungai Rambai dan Setulang Daing, Bukit Rambai. Beberapa lagi kawasan padi terbiar termasuk di Masjid Tanah dan Jasin akan dipulihkan secara berperingkat.

Sementara itu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata kira-kira 700 hektar kawasan jelapang padi di Terengganu akan dipulihkan dalam tempoh setahun untuk menampung keperluan bekalan padi di negeri ini.

Beliau berkata, mengikut statistik kawasan itu sudah digazetkan sebagai kawasan tanaman padi tetapi tidak dapat diteruskan kerana ada beberapa masalah yang timbul.

"Antara masalah yang dikenalpasti disebabkan sistem pengairan dan tanah berasid terutamanya di kawasan Kampung Jelapang, Langkap, Setiu.

"Kita memandang serius masalah ini kerana mahu memastikan kawasan ini kekal sebagai kawasan jelapang padi negeri," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan Jadual 5A Setiu di Dewan Sungai Tarom, di sini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Jangan sewenang-wenang tukar status tanah | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 26 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 152 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,479 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,438 |



# Jangan sewenang-wenang tukar status tanah

**Lumut:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengingatkan kerajaan negeri supaya tidak sewenang-wenangnya menukar status tanah pertanian kepada perumahan atau perindustrian.

Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin berkata, tindakan itu menjadi masalah utama yang menyebabkan penurunan pengeluaran sumber pertanian khususnya padi, sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini.

"Kerajaan negeri jangan secara bebas menukar syarat (status) tanah pertanian kepada perumahan atau perindustrian kerana ia harus dikekalkan bagi memastikan produk pertanian tidak menurun.

"Sekiranya produk pertanian menurun, ia akan merugikan rakyat negara ini disebabkan kenaikan harga barangan sehingga terpaksa makan sayur yang lebih mahal dan juga terpaksa mengimportnya dari luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Perasmian Bangunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Perak yang disempurnakan Sultan Perak Sultan Nazrin Shah di Seri Manjung di sini, semalam.

Ditanya mengenai pengurusan kawasan sawah padi di negara ini, Tze Tzin berkata, kerajaan mewartakan kawasan padi yang tidak boleh ditukarkan kepada mana-mana industri lain terutama bagi memastikan jelapang padi kekal sebagai kawasan penyelenggaraan padi.

"Kami mempunyai jelapang padi seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di Kedah, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Kelantan.

"Terdapat dua lagi jelapang padi yang baharu di Sabah, Sarawak yang sedang difokuskan bagi memastikan ia beroperasi sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata penukaran kawasan tanah jelapang padi akan memerlukan pelaburan kos yang besar sehingga berbilion ringgit terutama bagi kerja pengairan dan penyediaan tapak.

Katanya, kerajaan turut menyediakan bimbingan kepada pengusaha jelapang padi di luar selain bantuan pengairan, subsidi biji benih dan sebagainya dalam usaha memastikan keselamatan makanan rakyat negara ini terus dipelihara.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin urges people to continue spending to boost economy | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Northern) | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 11,698 |
| Page No | 3 | Readership | 35,094 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 157 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 473 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,419 |



# 沈志勤促人民勿悲觀
# 盡量消費刺激經濟

（檳城26日讯）农业与农基工业部副部长沈志勤指出，国内经济虽然不好，但大家不需悲观，只要人民在经济能力允许下尽量在国内消费，就能刺激并让我国经济复苏。

他昨晚出席峇都茅清水宫中元宴时致词说，我国有丰富的天然资源，只要把原产品卖出国外，国家经济的回升是乐观的。

大会捐献各1000令吉给峇都茅志愿治安队、峇都茅义消队及马来西亚红新月会檳城分会紧急救护车服务队，也为檳州中元联合会教育发展及华小精明课室基金筹获2000令吉。



沈志勤拨出2000令吉，国内贸易及消费事务部长拿督赛夫丁及檳州行政议员拿督阿都哈林，则各拨出1000令吉给该会。

移交义款仪式。左起为陈振盛、吕福吉、潘贵山、张贵平、沈志勤、胡建斌、林骏斌、陈子义、叶美达及郑任辉。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim urges govt not to anyhow convert agriculture land for other purposes | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 3 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 234 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,273 |



## 沈志勤吁各州保障國家利益

# 勿輕易轉換農地用途

（实兆远26日讯）农业及农基部副部长沈志勤呼吁各州政府，慎重看待及处理土地转换用途的申请，尤其是千万不要轻易将大面积的农业地，转为其他用途，以保障国家食品生产的供应链，进而保障国家的经济利益。

他说，若各州政府都把原属于农业地的地段转换为其他用途，如工业区、商业区或住宅区计划等，将直接造成农业地的减少，带来的影响就是造成供国民食用的农作物减少，导致农作物价格高涨，甚至是被逼向国外进口更多农作物及食物，以满足国人的需求。

他今早在霹雳州曼绒县的斯里曼绒，出席霹雳州渔业局总部新大厦的开幕仪式后，在新闻发布会上这么表示。今早的开幕仪式，由霹雳州苏丹纳兹林沙殿下主持开幕。

## 寻新地段辟为稻田耕地

他是在受询及该部已把国内各州的稻田种植地列入宪报，以限制这些土地不能更换用途的问题时，做出以上的呼吁。

"政府除了已把传统的稻田种植地列入宪报外，也在国内各地寻找新地段，开辟为新的稻田种植地，其中最新开辟的两个地区是位于东马的砂拉越及沙巴州。"

他说，现阶段，政府只是把稻田种植地列入宪报，并没有涉及种植其他农作物的地段，因此在保护农业地的问题上，州政府扮演了非常重要的"把关"角色。

他提到，根据他走访全国各地区的视察结果发现，农业已为许多年轻人创造了财富，甚至成为了百万富翁，因此年轻人不要小看农业的经济发展潜能。

他说，有许多人，尤其是年轻一辈都轻视农业，把农业视为落后及属于先辈的事业，但事实上，农业才是最先进的行业，只要善于创发与经验，把创新的技术与科技引入农业发展，则有潜力把农业发展成创造财富的大事业。

## 处理外国渔船由部长决定

另外，针对外国渔船违法闯入我国海域捕鱼，被政府当局扣捕充公的处置方式，是否已有定案时，他回应说，最终的处理方式，将由该部部长做出决定及宣布。

"外国渔船是因为我国海域有丰富的海产资源，而非法闯入我国海域捕鱼，而我国执法部门采取严厉的执法行动，包括扣押及充公渔船，就是要传达马来西亚政府严正看待此事，以阻遏这些外国渔船继续闯入我国海域。"

他说，至于被充公的渔船是否会被销毁，或者是以其它他方式处置，相信会在近期内，由部长做出决定及宣布。



沈志勤：呼吁各州政府不要轻易批准农业地转其它用途，以保障国家利益。

Powered by: isentia

| Headline | `Do not arbitrarily approve the conversion of use of agricultural land` | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A6 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 121 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,122 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,366 |



# 「勿随意批准农地转换用途」

**实兆远26日讯**｜农业及农基工业部副部长沈志勤呼吁所有的州政府，勿要随意批准将农业地转换为屋业或工业地，以保障国内的农业发展及避免农产品价格飙涨。

他强调，州政府应捍卫农业地的存在，让土地用途性质更难更换，因为一旦农业地都被改为其他用途，将令农产品的产量减少，进而造成国内农产品的价格高涨，人民被迫吃贵菜，政府也被迫从国外进口农产品。

他今日出席霹雳州渔业发展局在斯里曼绒的总部开幕仪式后，对媒体发表谈话。

询及国内稻田区面对萎缩一事，沈志勤则表示，政府已通过稻田区计划，在宪报上将部分稻田地颁布为稻田区，保障这些土地不可转为其他用途。

「稻田区计划是唯一可保障及维持稻田土地用途的方法，同时确保稻田区成为大马符合食品安全的重要稻米生产地。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 41 |

# Bot, 14 nelayan Vietnam ditahan

**KEMAMAN 26 Ogos** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sebuah bot nelayan Vietnam bersama 14 kru termasuk tekong yang merompak hasil laut negara di perairan negeri ini semalam.

Pengarah Maritim Malaysia Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, bot yang menyamar bot tempatan itu ditahan kira-kira pukul 10.05 pagi di kedudukan 117 batu nautika dari Kuala Kemaman.

Menurutnya, kesemua yang ditahan berumur antara 26 tahun hingga 48 tahun itu kemudian dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

"Nilai rampasan membabitkan ikan campur sebanyak dua tan di samping peralatan menangkap ikan dan bot dianggarkan bernilai RM1 juta.

"Kita percaya bot ini menggunakan nombor pendaftaran tempatan untuk mengaburi mata pihak berkuasa," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Rashidilhadi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985, Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen.



**RASHIDILHADI ABD. RASHID (kanan) memeriksa kru yang ditahan oleh Maritim Malaysia di Kemaman, Terengganu, kelmarin.**

Katanya, operasi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam akan diteruskan tanpa henti dan pihaknya akan menggunakan pelbagai kaedah pelaksanaan operasi bagi melindungi hasil laut negara daripada dirompak.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai agar melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan di laut kepada Maritim Malaysia melalui talian MERS 999 yang beroperasi 24 jam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 14 |

# Kapal dia tapi plat kita

## 14 nelayan warga Vietnam ditahan ceroboh perairan rompak ikan dua tan


**Rosli Ilham**
am@hmetro.com.my


**Chukai**

Sebanyak dua tan ikan dalam perairan negara 'dirompak' sebuah bot nelayan asing dalam tempoh beberapa hari menceroboh perairan Terengganu.

Bagaimanapun, perbuatan 14 awak-awak termasuk tekong bot warga Vietnam itu dipatahkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas menahan mereka 117 batu nautika dari Kuala Kemaman, jam 10.05 pagi, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, bot nelayan asing terbabit ditahan hasil Op Iman yang dilaksanakan bagi mengekang pencerobohan perairan negara.

Katanya, ketika kapal peronda APMM menghampiri bot berkenaan didapati cuba melarikan diri.

"Bagaimanapun, kapal APMM memintas bot nelayan asing terbabit sebelum mengarahkan tekong bot berhenti.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot terbabit menggunakan nombor pendaftaran bot tempatan dipercayai palsu termasuk memasang Jalur Gemilang untuk mengaburi pihak berkuasa.

"Pemeriksaan lanjut mendapati semua nelayan dan tekong yang berusia 26 hingga 48 tahun tiada dokumen pengenalan diri sah," katanya di Jeti APMM Kemaman di sini, semalam.

Rashidilhadi berkata, pihaknya percaya bot terbabit baru beberapa hari menceroboh perairan negara dan didapati merompak dua tan ikan dari hasil laut negara.

"Kami turut merampas peralatan menangkap ikan bersama bot terbabit yang dianggarkan keseluruhan bernilai RM1 juta," katanya.

FOTO: ROSLI ILHAM



*RASHIDILHADI (berdiri, kanan) memeriksa ikan yang dirampas selepas menahan bot nelayan Vietnam kira-kira 117 batu nautika dari Kuala Kemaman.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Perak penyumbang terbesar industri perikanan marin negara | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 26 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 268 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,867 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,601 |





SULTAN Nazrin Muizzuddin Shah menandatangani plak perasmian bangunan pejabat LKIM Negeri Perak.

# Perak penyumbang terbesar industri perikanan marin negara

**Seri Manjung:** Perak muncul penyumbang terbesar industri perikanan marin negara iaitu sebanyak 206,356 tan metrik.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, Perak turut mempunyai seramai 15,500 nelayan dengan 4,021 vesel selain menyumbang secara signifikan kepada sektor akuakultur.

Antaranya ialah projek ternakan udang laut dalam kolam di Rungkup Hilir dengan keluasan 2,175 hektar, projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar di Tasek Temenggor, Hulu Perak dan Tasik Kenering, Hulu Perak dengan masing-masing berkeluasan 100 hektar serta aktiviti hatceri nurseri di Sungai Dala dengan keluasan 81 hektar.

"Kita berharap kerajaan negeri sentiasa memberikan sokongan untuk terus membangunkan sektor agromakanan khususnya dalam usaha kita merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) iaitu bagi menghadapi cabaran pada masa kini seperti peningkatan harga input pertanian, perubahan iklim, sumber terhad dan permintaan bahan makanan yang tinggi.

"Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedia bekerjasama dengan kerajaan Perak untuk merangka satu pelan pembangunan dan pengurusan tanah pertanian supaya tanah pertanian sedia ada dapat dioptimumkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis perasmian bangunan Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak di sini, semalam yang disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Bangunan LKIM Perak mula dibina pada April 2011 membabitkan kos RM7.6 juta dan siap sepenuhnya pada 1 Januari 2015 dengan memiliki kemudahan lengkap bangunan pentadbiran, bilik kelab rekreasi, kafeteria dan dewan serbaguna.

LKIM Perak mula beroperasi pada 1974 dengan pejabat pertamanya di Ipoh sebelum berpindah ke Sitiawan pada Ogos 1985, kemudian ke Kompleks LKIM Lumut Kampung Acheh, Sitiawan pada 2003 sehingga Mac 2015.

Turut berkenan hadir pada majlis itu, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin: Malaysian fisheries gross output worth RM14bil | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A12b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 205 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,298 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,895 |






霹雳州苏丹纳兹林沙殿下亲临为霹雳渔业发展局总部主持开幕，左2为沈志勤。

# 我国渔产总值140亿

## 沈志勤：捕捞来源占多数

（怡保26日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤表示，我国渔产目前为190万公吨或总值140亿令吉，其中147万公吨来自捕获的海产，42万7000公吨为水产养殖，以及陆地养殖为5.1777公吨。

他指出，截至目前为止，国内渔民共有13万645人及5万2648艘被登记的渔船，而水产养殖业者共有1万7765人在3万3622公顷的范围从事养鱼业。

他说，这显示渔业在我国为重要及具有潜能发展及提升的工业，为了发展渔业，该部今年初已推介“2019至2020年优先策略部门方向蓝图”。

他周一在设于斯里曼绒的霹雳州渔业发展局总部开幕仪式上致词时，如是指出。

霹雳州苏丹纳兹林沙殿下御驾亲临为霹雳渔业发展局主持开幕，出席见证的王室成员包括霹雳州王储拉惹查化及王储妃拉惹娜扎杜、三王拉惹依斯干达及三王妃端姑苏拉雅。霹雳州务大臣拿督斯里阿末法依沙及夫人拿汀斯里诺米、霹雳州秘书拿督再纳阿兹曼、霹雳州议会议长拿督倪可汉、农业及农基工业部秘书长拿督沙烈胡丁及多名霹雳州行政议员皆出席该活动。

### 霹雳是最大海鱼供应州

沈志勤说，霹州为我国最大的海鱼供应州属，即占26万6556公吨，州内共有1万5500名渔民及4021艘渔船。

他说，为了继续发展粮食生产，尤其在拟定第12大马计划，必须克服目前面对的进口粮食涨价、气候变化及资源有限及高需求等挑战，而该部准备与霹州政府合作展开农业土地发展与管理蓝图。

他表示，该部透过渔业局在发展渔业的同时，也设法改善渔民的经济状况，为了让渔民享有更好生活，重修、建设及重新安置渔民房屋计划正在进行。

他披露，霹雳州渔业发展局目前拥有两个县办事处，即马登及下霹雳办事处，负责管理渔船登陆设备。

他在记者会上也表示，霹雳州拥有发展农业的巨大潜能，州政府及人民应看重农业发展，因为这是一个“常青工业”（industri evergreen）。

他表示，大马每年进口约520亿令吉的粮食，由此可见，粮食对大马人民非常重要，霹雳州应专注发展成为粮食生产州。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Discussing how to destroy foreign fishing boats | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A22 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 274 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,447 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,340 |





沈志勤（左）与霹州务大臣拿督斯里阿末法依查言谈甚欢。

## 沈志勤：越境我国被扣

# 商讨如何毁外国渔船

**（实兆远26日讯）**农业及农基工业部还在商讨，应以何种方式来销毁越境我国海域而被扣留的外国渔船。

副部长沈志勤表示，部门还在等待部长拿督沙拉胡丁的决定，相信他们会在近期内议决。

他今日在斯里曼绒为霹雳渔业发展局大厦开幕后向记者表示，该部要对越境的渔船进行销毁，也可带出讯息，即外国渔民不要随意闯入他国海域。

“大马海域有丰富的海产资源，因此会经常有外国渔船闯入，并对国家及渔民造成损失。”

他补充，东海岸海域就经常被越南等国的渔船入侵。

沈志勤指出，该部目前正专注推动沙巴及砂拉越的两项新稻田计划，以致力带来良好效果及竞争力。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agricultural ministry discussing whether to destroy foreign fishing boats that encroach into | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A6 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 291 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,402 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,207 |



# 外国渔船非法入侵
# 农部讨论是否要销毁

**曼绒26日讯**｜农业及农基工业部副部长沈志勤透露，其部门已针对是否采取严厉措施销毁非法入侵大马海域的外国渔船一事展开讨论，一旦有了决定，将由部长拿督沙拉胡丁阿育公布。

「我们（部门）还在等待部长进一步指示，是否要对近期入侵大马东海岸海域的外国渔船，尤其是越南渔船进行销毁。」

## 避免大马渔民损失

沈志勤是于今早出席斯里曼绒的霹州渔业发展局新大厦开幕仪式后指出，基于我国海域的海产资源丰富，以致外国渔船非法闯入，最终造成政府及渔民面对损失。

「政府必须向这些非法入侵大马海域捕鱼的外国渔船发出讯息，警告它们不要再轻易或随意地入侵大马海域。」

霹州渔业发展局新大厦的开幕仪式是由霹州苏丹纳兹林殿下御驾亲临主持，其他出席的王室成员及嘉宾尚有霹州王储拉惹查化及王储妃拉惹娜扎杜、三王拉惹依斯干达及三王妃端姑苏拉雅、霹州务大臣拿督斯里阿末费沙及霹州议长拿督倪可汉等。

较早前，沈志勤为大会致词时则说，我国今年截至目前为止，已出产了190万吨及总值140亿令吉的渔产，其中包括147万吨捕捞所得的海产，海上养殖及内陆养殖所得的渔产，则各占42万7000吨及5.177吨。

「同时，在海上作业的注册渔民共有13万0645人，注册渔船则有5万2648艘，霹州是国内最大的海产供应州属，今年的总渔产量达到26万6556吨，并拥有1万5500名渔民及4021艘各类渔船，因此希望州政府能给予关注。」

另一方面，沈志勤在记者会上也提及，农业为「常青工业」，霹州也拥有发展农业的巨大潜能，因此霹州应专注发展成为粮食生产州属。

他指粮食生产尚有上游至下游工业，上游工业包括对农产品的研究与发展，下游工业则是粮食加工中心，甚至将粮食进行出口。

「届时，霹州的年轻人就不必离乡背井到吉隆坡或槟城工作，可继续留在家乡，不要以为还是旧时代农业，如今农业已现代化，采用高科技农业，这对年轻人有很大发展潜能及机会。」

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry in discussion whether to destroy fishboat or not | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 27 Aug 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A12b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 117 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 550 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,649 |



# 渔船非法入侵 商议是否销毁

沈志勤表示，该部目前正对销毁（melupuskan）非法入侵大马海域的外国渔船一事作出讨论，任何决定将由部长拿督沙拉胡丁阿育公布。

他说，该部门仍在等待部长的进一步指示，是否要对近期入侵大马东海岸海域的外国渔船尤其是越南渔船，进行销毁。

他在记者会上指出，政府必须向非法入侵大马海域进行捕鱼的外国渔船发出讯息，不要轻易或随意入侵大马海域进行捕鱼。大马海域充满丰富的海产资源，外国渔船的入侵举动已导致大马政府及渔民面对损失。

另一方面，沈志勤也呼吁所有州政府，千万不可随意将农业地改换为屋业及工业地，以保障国内农业地。

他表示，一旦农业地都被改为其他用途，这将令农产品产量减少，进而导致国内农产品价格高涨，人民被迫吃贵菜，而政府被迫入口农产品。

询及国内稻田区面对萎缩一事，沈志勤续说，政府通过稻田区计划（Jelapang Padi）在宪报上将稻田颁布为稻田区，保障这些土地不可转为其他用途。

他表示，稻田区计划是唯一可以保障及维持稻田土地的用途，同时确保稻田区成为大马食物安全（food security）的重要稻米生产地。

至于政府如何协助那些非粮仓稻田区（Kawasan Luar Jelapang Padi），他说，政府正在沙巴及砂拉越将两个非粮仓稻田区纳入稻田区计划，并将聚焦这两个稻田区的开发。

"如果要（全部非粮仓稻田区）转为稻田区计划，这需要庞大资金投入，例如稻田灌溉、地点等，约耗费数亿令吉，目前政府先开发砂沙的稻田区，直至完全运作。"

他说，至于其他非粮仓稻田区，政府将提供稻田区设备方面的指导及稻米种子和肥料的津贴，同时也会研究哪些是符合稻田区计划。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 9 |

# Salahuddin seru petani berubah satukan tanah, kuasai agro makanan

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub menyeru agar petani berani untuk melakukan perubahan dalam industri pertanian.

Timbalan Presiden AMANAH itu berkata, antaranya termasuk usaha menyatukan tanah pertanian supaya hasil agro-makanan lebih produktif.

Hadir dalam Majlis Dialog Menteri Bersama Petani, Penternak dan Nelayan Parlimen Parit pada 17 Ogos lalu, beliau turut menekankan kepentingan peranan agropreneur muda dalam menguasai industri agro-makanan.

Program anjuran AMANAH Parlimen Parit itu menyaksikan peladang, petani dan nelayan darat sekitar Perak Tengah mengemukakan isu-isu yang dihadapi oleh mereka.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Faiz Fadzil pula menegaskan tentang perubahan minda petani dan nelayan untuk bersama dengan usaha kerajaan Pakatan Harapan (PH) memodenkan sektor pertanian.

Menurut Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu, perubahan minda penting untuk mengeluarkan mereka terbabit daripada kepompong kemiskinan.

"Banyak isu dan masalah yang dibangkitkan peserta dan tumpuan adalah permintaan dibangunkan tanah terbiar sebagai kolam ternakan ikan air tawar dengan pemberian benih anak ikan dan alat kelengkapan," katanya.

Sehubungan itu, kata Faiz lagi, integrasi agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama kerajaan negeri Perak perlu dipertingkatkan bagi tujuan tersebut.

Kira-kira 200 petani, penternak dan nelayan hadir dalam majlis bertempat di Dewan Dato' Hambal, Bota Kanan itu.




*Salahuddin dalam majlis dialog bersama petani dan nelayan di Parlimen Parit.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Bangunan LKIM Perak dirasmikan

***Sultan Nazrin berkenan rasmi bangunan bernilai RM7.6 juta***

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID

LUMUT



Sultan Nazrin Shah berkenan menandatangani plak ketika merasmikan bangunan Pejabat LKIM Perak di Seri Manjung semalam.

> *MOA melalui LKIM sentiasa komited dalam usaha memajukan industri perikanan di samping meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat nelayan seperti pelaksanaan program baik pulih, bina baharu dan penempatan semula nelayan."*
>
> -Tze Tzin



Sultan Nazrin Shah melihat beberapa jenis produk ikan bilis tempatan yang terdapat di ruang pameran.



Sultan Nazrin Shah berkenan melihat replika bangunan Pejabat LKIM Perak ketika melawat ruang pameran selepas merasmikan bangunan tersebut.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat merasmikan bangunan pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak, Seri Manjung di sini semalam.

Turut berangkat, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Majlis dimulakan dengan alunan ayat suci al-Quran diikuti bacaan doa sebelum baginda berkenan menandatangani plak perasmian bangunan pejabat itu di pentas utama sambil disaksikan ratusan rakyat negeri Perak.

Untuk rekod, perancangan pembinaan bangunan baharu Pejabat LKIM Perak bermula dengan pemilikan tapak asal oleh LKIM pada April 2011 dan Ketua Pengarah LKIM sebagai Pegawai Penguasa Projek.

Pembinaan sebuah blok bangunan pejabat tiga tingkat di atas lot 13743, Mukim Sitiawan itu menyediakan pelbagai fasiliti kepada warga LKIM Perak seperti sebuah dewan serbaguna, tempat letak kereta berbumbung dan tempat letak kereta tidak berbumbung, satu unit pondok pengawal dan satu unit pencawang elektrik.

Bangunan dibina dengan kos sebanyak RM7.6 juta berkonsepkan seakan Ibu Pejabat LKIM di Pulau Meranti, Puchong, Selangor dan telah siap sepenuhnya pada 1 Januari 2015.

Ruang pejabat itu mampu memuatkan 62 kakitangan dilengkapi dengan pejabat urusan bahagian di setiap tingkat seperti Bahagian Khidmat Pengurusan, Bilik Kelab Rekreasi, Kafeteria, Dewan LKIM; Bahagian Industri Asas Tani, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Pemasaran & Perlesenan dan lain-lain lagi.



Bangunan Pejabat LKIM Perak yang dirasmikan Sultan Nazrin Shah di Seri Manjung semalam.

***Perak penyumbang utama industri perikanan marin***

Perak menjadi negeri utama penyumbang terbesar kepada industri perikanan marin di Malaysia selepas merekodkan pengeluaran sebanyak 266,556 tan metrik bagi seluruh negara.

Tze Tzin berkata, Perak juga menyumbang secara signifikan bagi sektor akuakultur, antaranya projek ternakan udang laut dalam kolam di Rungkup Hilir dengan keluasan 2,175 hektar.

"Selain itu, turut terdapat projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar di Tasek Temenggor dan Tasik Kenering di Hulu Perak dengan masing-masing berkeluasan 100 hektar serta aktiviti hatceri atau nurseri di Sungai Dala dengan keluasan 81 hektar.

"Setakat ini, Perak juga mempunyai seramai 15,500 orang nelayan dan 4,021 vesel dari Zon A, Zon B, Zon C dan Zon C2," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Bangunan Pejabat LKIM Perak.

Tze Tzin juga berharap Kerajaan Perak sentiasa memberi sokongan untuk terus membangunkan sektor agromakanan khususnya dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bagi mendepani cabaran pada masa kini seperti peningkatan harga input pertanian, perubahan iklim, sumber terhad dan permintaan yang tinggi.

"Dalam hal ini, MOA sedia bekerjasama dengan Kerajaan Perak untuk merangka satu pelan pembangunan dan pengurusan tanah pertanian agar tanah pertanian sedia ada dapat dioptimumkan.

"MOA melalui LKIM sentiasa komited memajukan industri perikanan di samping meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat nelayan seperti pelaksanaan program baik pulih, bina baharu dan penempatan semula nelayan," katanya.

Tambahnya, sebanyak RM197.2 juta telah diluluskan di bawah Program Baik Pulih Rumah Nelayan LKIM yang melibatkan 19,214 orang penerima di kalangan nelayan pantai dan RM30.1 juta bagi 3,053 orang nelayan darat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/8/2019 | MINGGUAN AMANAH | FOKUS | 8 |

# Slogan integriti, keramat Maqis dilancar

*Foto* **WAN ZAHARI WAN SALLEH**



*Datuk Salahuddin Ayub ketika menandatangani plug Keramat Maqis 20 Ogos lalu*

**JABATAN** Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) hari ini melancarkan slogan 'Penguatkuasaan Berintegriti' secara rasmi bagi memastikan jabatan itu menjadi sebuah jabatan penguatkuasaan yang mempunyai modal insan berkualiti, amanah, telus dan bertanggungjawab.

Pelancaran slogan dan Keramat Maqis itu telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub.

Salahuddin dalam kenyataannya dipetik berkata, objektif Maqis adalah untuk memastikan setiap keluaran pertanian dan produk agro makanan yang diimport adalah selamat, tidak mempunyai perosak dan penyakit, berkualiti dan halal untuk kesejahteraan rakyat negara ini.

Justeru itu dengan slogan berintegriti melalui kata-kata keramat Maqis yang akan dilafazkan setiap hari oleh semua warga kerja Maqis, katanya akan menjadi doa dan janji di dalam hati dan diri setiap warga kerja Maqis sebelum memulakan kerja mencari rezeki yang halal lagi barakah.

"Usaha sebegini patut dipuji dan dicontohi oleh Jabatan dan Agensilain dalam usaha membentuk sebuah Jabatan yang bebas rasuah dengan warga kerjanya yang membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

"Saya ingin menyeru kepada semua agar dalammelaksanakan tugas, penjawat awam hendaklah mempamerkan sikap tegas, berani, adil dan sanggup mengambilrisiko bagi menentukan integriti dan governans tidak dikompromikan. Bak kata pepatah " Berani kerana benar, takut kerana salah," ujarnya.

Beliau hadir berucap pada Majlis Lafaz Ikrar dan Pelancaran keramat Maqis di KLIA, Sepang 20 Ogos lalu.

Salahuddin juga berkata usaha yang dilakukan oleh Maqis itu harus dicontoh oleh jabatan dan agensi kerajaan lain dalam usaha membentuk sebuah Jabatan yang bebas rasuah dengan warga kerjanya yang membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Maqis diwujudkan untuk menyokong aspirasi Kerajaan yangberusaha dalam pemantapan governans, integriti dan anti rasuah melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 -2023 yang secara rasminya telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 29 Januari 2019 yang lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | HARIAN METRO | TENGAH | 26 |



ABDUL Ghariff (empat dari kiri) merasmikan Program Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan Peringkat Sekolah Negeri Selangor 2019 di Sekolah Kebangsaan Kampung Johan Setia, Klang.

# Bangun tanah wakaf tanam pokok buah

**Klang:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor sedia berbincang dengan kerajaan negeri dalam usaha membangunkan tanah wakaf di negeri ini untuk penanaman pokok buah-buahan.

Pengarahnya, Datuk Abdul Ghariff Ramin berkata, perancangan itu baru diumumkan dan pihaknya akan bertemu kerajaan negeri untuk perbincangan lanjut.

"Buat masa ini belum ada perbincangan tetapi ia adalah dasar kita untuk menggalakkan tanaman dan pengeluaran buah-buahan tempatan di tanah terbiar supaya digunakan sepenuhnya.

"Tanah bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pula diwartakan untuk tanaman buah bermusim terutama durian.

"Kita akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan Exco mengenai lokasi hendak dimajukan seperti Sabak Bernam atau Kuala Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media Program Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan Peringkat Negeri Selangor 2019 di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Johan Setia, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Kanan Galakan Pasaran Dalam Negara dan Pemasaran Online FAMA Malaysia, Mohamad Mustahapa Awang dan Guru Besar SK Kampung Johan Setia, Norazmi Ibrahim.

Beliau berkata, jika ada tanah terbiar yang dikenal pasti, ia mungkin dibawa kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk dibincangkan.

Media sebelum ini melaporkan, perancangan FAMA Malaysia untuk membangunkan tanah wakaf terbiar khususnya di pinggir bandar dan kawasan terpencil di seluruh negara dengan penanaman durian Musang King.

**FAKTA**

Tanah bawah PKPS diwarta untuk tanaman buah bermusim terutama durian



MURID menikmati buah-buahan yang disediakan pada Program Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/8/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# 'Kenal pasti punca sawah dijual'

## Pihak berkuasa perlu cari jalan elak masalah berlarutan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa pertanian dan agensi berkaitan perlu mengenal pasti punca masalah pesawah menjual tanah mereka bagi tujuan komersil dan mencari jalan supaya keadaan itu tidak terus berlarutan.

Profesor Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ghizan Saleh, berkata jika kawasan padi terus menyusut, ia akan menyebabkan sasaran pengeluaran beras dalam negara sekurang-kurangnya 90 peratus tahap sara diri (SSL) tergendala, sekali gus mengancam keselamatan makanan negara.

Ghizan berkata, terdapat kawasan sawah padi yang mempunyai masalah sumber air disebabkan sungai yang kering, yang mungkin menjadi antara faktor pengeluaran padi tidak menjadi, seterusnya menyebabkan pesawah mengambil keputusan menjual tanah mereka.

"Bagaimanapun, dengan teknologi terkini, kawasan padi bermasalah ini masih boleh dipulihkan, contohnya melalui sistem mitigasi dan air dari bawah tanah yang boleh dieksploitasi.

"Justeru, pihak berkuasa seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Jabatan Pertanian dan Pertubuhan Peladang perlu melihat perkara ini dan mencari jalan menyelesaikannya, selain petani juga perlu ke depan untuk berbincang jika berdepan masalah," katanya kepada BH, semalam.



*Kawasan padi bermasalah ini masih boleh dipulihkan melalui sistem mitigasi dan air dari bawah tanah yang boleh dieksploitasi.*

***Ghizan Saleh,***
*Profesor Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian UPM*

Beliau berkata demikian susulan laporan *BH* mengenai hampir kebanyakan negeri kini dikesan menghadapi krisis penyusutan kawasan sawah padi, yang jika tiada kawalan boleh mengancam pengeluaran beras negara.

Ia berikutan kawasan sawah 'bertukar wajah' apabila dibangunkan dengan pelbagai projek infrastruktur, komersial dan perumahan, sekali gus menjadikan keluasan sawah padi negara semakin mengecil.

Tinjauan *BH* di beberapa negeri mendapati, hasil padi yang tidak stabil dan tidak menentu juga menjadi antara punca kebanyakan pesawah menjual tanah sawah mereka kerana tidak mahu berdepan kerugian.

Ghizan berkata, masalah hasil pengeluaran padi yang rendah juga boleh disebabkan penggunaan input dan amalan pertanian yang kurang cekap oleh pesawah, namun ia boleh diselesaikan melalui khidmat nasihat dan bantuan pihak berkuasa pertanian.

"Kemungkinan juga pesawah ini melihat keuntungan jangka masa pendek, tambahan pula jika ada pemaju yang menawarkan harga pembelian tanah yang tinggi.

"Jika tiada pilihan lain untuk membangunkan tanah itu sebagai tanah pertanian, contohnya tidak boleh diusahakan dengan tanaman lain, barulah mungkin tindakan untuk menjualnya boleh dipertimbangkan.

"Kita perlu sedar bahawa tanah pertanian boleh ditukar kepada tanah perumahan dan industri, tetapi jika ia sudah dibangunkan, ia tidak mungkin boleh ditukar kembali menjadi tanah pertanian," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/8/2019 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Elak keselamatan makanan terjejas

**Tuntutan** kemajuan menjadi antara punca keluasan Jelapang Padi negara menguncup apabila banyak tanah sawah bernilai tinggi khususnya di kawasan pinggir bandar diubah status dan dimanfaatkan untuk pembangunan. Realiti ini harus diterima, namun kita tidak boleh berpeluk tubuh, kerana ia berhubung kait jaminan keselamatan bekalan makanan negara.

Bagi tanah sawah yang diambil untuk pembangunan, pastikan wajib ia diganti dengan keluasan sama di lokasi lain. Ketika ini kita hanya menghasilkan dua juta tan beras setahun, sedangkan keperluan dianggar mencecah tiga juta tan. Jika keluasan terus menyusut, apa nasib kita jika suatu hari nanti terpaksa bergantung hanya kepada bekalan beras import?

Kita percaya sudah sampai masanya kerajaan mengenal pasti lokasi penanaman padi baharu. Usaha serius juga perlu digerakkan untuk memastikan industri padi dan beras negara berhijrah ke arah pertanian pintar. Mungkin di lokasi baharu itu nanti, perancangan teliti ke arah itu dapat dimulakan.

Kita yakin sektor pertanian negara bukan sahaja padi dan beras, harus mula bergerak ke arah dimensi baharu. Dengan desakan pembangunan, tidak mustahil tanah pertanian semakin mengecil. Sekaranglah masa terbaik untuk berhijrah. Mungkin dengan pengurusan pertanian lebih terancang melalui penggunaan teknologi pertanian pintar, pengeluaran hasil lebih maksimum bagi setiap hektar sawah dapat memastikan kelangsungan keselamatan bekalan makanan terus terjamin.